

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH  
FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 27.10.2016**

**SOALAN :**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cadangan baik pulih infrastruktur sekolah yang telah berusia lebih daripada 30 tahun bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku. Apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan setiap sekolah mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk sesi pembelajaran kerana dikatakan terdapat sekolah yang tidak mempunyai kelengkapan makmal mencukupi, tiada kemudahan padang serta tiada bilik komputer.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada sekolah-sekolah berusia lebih daripada 30 tahun yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan untuk menaik taraf kemudahan sekolah dan memastikan kemudahan tersebut dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Dalam perkara ini, KPM berusaha menyediakan prasarana dan infrastruktur yang lengkap di sekolah-sekolah yang memerlukan di seluruh negara. Usaha yang berterusan ini adalah bagi memastikan akses pendidikan disediakan secara sama rata kepada semua murid.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 berkaitan infrastruktur sekolah, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mengenal pasti sekolah atau bangunan sekolah yang perlu diselenggara dan dibaiki bagi tahun semasa. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh KPM meningkatkan prasarana dan kemudahan pendidikan di kawasan pedalaman adalah seperti berikut:

1. Memastikan semua sekolah mempunyai tahap infrastruktur minimum yang boleh diterima, disesuaikan dengan keperluan sekolah tersebut secara berkesan kos.
2. Melakukan penyelenggaraan segera bagi sekolah yang mempunyai keperluan kritikal untuk pembaikan.
3. Sentiasa menaik taraf kemudahan pembelajaran dan peralatan di semua sekolah bagi menyokong keperluan pembelajaran murid yang akan berubah mengikut masa.
4. Menaik taraf kemudahan infrastruktur dan menggantikan bangunan sekolah daif yang disahkan tidak selamat oleh pihak teknikal dengan bangunan baharu.
5. Menyediakan kemudahan fizikal yang lengkap untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan penyediaan kemudahan pendidikan yang diperlukan bergantung kepada peruntukan kewangan yang diterima.